

**APLIKASI PROSES PENFATWAAN DALAM KAEDAH
PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM**

**WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS BIN WAN
KHAIRULDIN**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2014

**APLIKASI PROSES PENFATWAAN DALAM KAEDAH PENYELIDIKAN
BERTERASKAN ISLAM**

Oleh

WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS BIN WAN KHAIRULDIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2014

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ditujukan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para Sahabat RA, para *tābi'īn* dan *tabī' al-tābi'īn*, serta sesiapa sahaja yang komitmen mengikuti jejak langkah mereka sehingga hari kiamat.

Syukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberi izin dan mempermudah proses penulisan tesis ini. Segala yang baik datang daripadaNya. Dengan keizinan yang Maha Esa, penulisan tesis berkaitan aplikasi proses penfatwaan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pengalaman mempersiapkan tesis ini akan tercatat dala kamus hidup penyelidik sebagai satu pengalaman yang tidak dapat dilupai. Mudah-mudahan, penghasilan tesis ini akan memberi manfaat kepada diri penyelidik khususnya untuk menjadi insan yang lebih baik seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat Islam umumnya.

Sepanjang proses menyiapkan tesis ini, saya sangat berhutang budi dan merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang banyak membantu saya secara langsung atau tidak langsung. Pertama, kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh selaku penyelia utama dan Dr. Fadzila Azni Ahmad sebagai penyelia bersama. Segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, dorongan, dan cadangan sepanjang kajian ini saya ucapkan jutaan terima kasih. Sumbangan mereka berdua tidak dapat dibalas dengan apa-apa sekalipun kecuali mengharapkan ganjaran daripada Allah SWT yang merupakan sebaik-baik pemberi ganjaran.

Kedua, jutaan terima kasih kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) yang menjadi tempat rujukan dan pertanyaan saya di kala menghadapi masalah. Kepakaran, sifat mesra dan didikan para pensyarah ISDEV banyak memberi manfaat kepada saya bukan saja dari segi luaran, bahkan dari segi rohani.

Ketiga, ucapan jutaan terima kasih juga kepada pihak Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Begitu juga pihak perpustakaan tempat saya menelaah pelbagai rujukan bagi menyiapkan tesis ini antaranya Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA); Perpustakaan Hamzah Sendut, USM; Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM; Perpustakaan Universiti Malaya; dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UAIM).

Keempat, ucapan jutaan terima kasih juga kepada sahabat-sahabat dan rakan-rakan seperjuangan di USM khususnya di ISDEV yang sering mendoakan, mengambil berat dan memberikan kata-kata semangat kepada saya. Secara tidak langsung

memberikan kepada saya semangat untuk menyiapkan tesis ini. Bantuan mereka amat saya hargai.

Akhir sekali, penghargaan teristimewa kepada ayahanda Wan Khairuldin Wan Abdul Rashid dan ibunda Nafisah Salleh atas pengorbanan yang dicurahkan sepanjang penulisan tesis ini dijalankan. Buat isteri tercinta, Wan Nur Izzati Wan Nor Anas dan anak, Wan Muhammad Afif diucapkan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kerana sentiasa memahami tugas dan perjuangan saya dalam mencari redha Allah SWT. Begitu juga kepada para ahli keluarga terutama adik beradik saya yang banyak memberikan sokongan moral mahupun kewangan, moga-moga Allah membalas semua jasa kalian.

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin,
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam,
Universiti Sains Malaysia.

SENARAI KANDUNGAN

Halaman

Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iv
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Singkatan	xi
Jadual Transliterasi	xii
Abstrak	xiii
<i>Abstract</i>	xv

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	2
1.2.1	Konsep Fatwa dalam Islam	5
1.2.2	Perbezaan antara Fatwa dengan Ijtihad	10
1.2.3	Keperluan Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	12
1.3	Pernyataan Masalah	15
1.4	Objektif Kajian	20
1.5	Persoalan Kajian	21
1.6	Definisi Operasional	23
1.6.1	Fatwa	23
1.6.2	Mufti	25
1.6.3	Proses Penfatwaan	26
1.6.4	Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	27
1.7	Skop dan Batasan Kajian	30
1.8	Kepentingan Kajian	31
1.9	Sumbangan Kajian	32
1.10	Organisasi Tesis	34

BAB 2: KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.1	Pendahuluan	36
2.2	Kajian-Kajian Lepas	37
2.2.1	Kajian Kefahaman Fatwa dan Mufti	38
2.2.2	Kajian Tentang Sejarah dan Perkembangan Fatwa	41
2.2.3	Kajian Tentang Kedudukan dan Sumbangan Fatwa	43
2.2.4	Kajian Tentang Metodologi Fatwa	45
2.2.5	Kajian Tentang Proses Penfatwaan	48
2.2.6	Kajian Tentang Kaedah Penyelidikan Islam	49
2.2.7	Kajian Tentang Pengaplikasian Fatwa Dalam Kaedah Penyelidikan Islam	53
2.2.8	Kajian Tentang Penyelidikan Berteraskan Islam	54
2.2.9	Analisis Kajian Lepas	57
2.3	Sorotan Karya	58
2.3.1	Proses Penfatwaan	58
2.3.2	Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	60
2.3.3	Proses Penfatwaan Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	63
2.3.4	Analisis Sorotan Karya	64
2.3.5	Kerangka Konseptual Kajian	65
2.4	Kesimpulan	69

BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	70
3.2	Reka Bentuk Kajian	71
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	74
3.4	Kaedah Penganalisisan Data	78
3.4.1	Analisis Kandungan	78
3.4.2	Kaedah Perbezaan (<i>Method of Difference</i>)	80
3.5	Kesimpulan	83

BAB 4: FATWA DAN PROSES PENFATWAAN

4.1	Pendahuluan	84
4.2	Definisi Fatwa	86
4.3	Sejarah Fatwa Dalam Islam	92
4.4	Mufti dan Kelayakan	101
4.4.1	Definisi Mufti	103
4.4.2	Syarat-Syarat Kelayakan Menjadi Mufti	104
4.4.3	<i>Fatwā Jamā'iyah</i> (Fatwa Secara Kolektif)	113
4.5	Proses Penfatwaan	117
4.5.1	<i>Marḥalah Al-Taṣwīr</i> (Peringkat Gambaran Masalah)	117
4.5.1 (a)	Definisi <i>Al-Taṣwīr</i>	118
4.5.1 (b)	<i>Al-Dawābiṭ</i> (Kriteria-Kriteria) <i>al-Taṣwīr</i>	119
4.5.2	<i>Marḥalah Al-Takyīf</i> (Peringkat Adaptasi Atau Pengkategorian Masalah)	124
4.5.2 (a)	Definisi <i>Al-Takyīf</i>	125
4.5.2 (b)	Asas <i>Al-Takyīf</i>	127
4.5.3	<i>Marḥalah Al-Ḥukm</i> (Peringkat Penentuan Hukum)	132
4.5.3 (a)	Definisi <i>Al-Ḥukm</i>	132
4.5.3. (b)	Aplikasi Proses <i>Al-Ḥukm</i>	134
4.5.4	<i>Marḥalah Al-Iftā'</i> (Peringkat Pengeluaran Fatwa)	138
4.5.4 (a)	Definisi <i>Al-Iftā'</i>	138
4.5.4 (b)	Asas <i>Al-Iftā'</i>	139
4.6	Kesimpulan	143

BAB 5: ANALISIS DAN APLIKASI PROSES PENFATWAAN SEBAGAI KAEDAH PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM

5.1	Pendahuluan	145
5.2	Analisis Proses Penfatwaan Dari Perspektif Kaedah Penyelidikan Sosial	147
5.2.1	Kelayakan dan Kualiti Penyelidik Muslim	148
5.2.1 (a)	Kepercayaan Agama	152
5.2.1 (b)	Kelayakan Bertindak	155
5.2.1 (c)	Adil dan Berakhlak Islam	157

5.2.1 (d)	Kemampuan Menjalankan Penyelidikan	161
5.2.2	Penyelidikan Berkumpulan	165
5.2.3	Proses Penyelidikan	167
5.2.3 (a)	Penentuan Penyataan Masalah	170
5.2.3 (b)	Penilaian Kajian Lepas	173
5.2.3 (c)	Pembentukan Hipotesis	176
5.2.3 (d)	Pemilihan Rekabentuk	179
5.2.3 (e)	Pengumpulan Data	181
5.2.3 (f)	Analisis Data	185
5.2.3 (g)	Laporan Hasil Kajian	187
5.2.4	Keutamaan dan Kualiti Data	192
5.3	Aplikasi Proses Penfatwaan Sebagai Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	195
5.3.1	Proses Penyelidikan Penfatwaan	196
5.3.2	Kekuatan Proses Penyelidikan Penfatwaan Sebagai Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	202
5.4	Kesimpulan	205
 BAB 6: PENUTUP		
6.1	Pendahuluan	206
6.2	Penemuan Utama dan Rumusan Kajian	206
6.3	Implikasi dan Cadangan Dasar	212
6.3.1	Implikasi Terhadap Fatwa	212
6.3.2	Implikasi Terhadap Kaedah Penyelidikan Sosial	213
6.3.3	Implikasi Terhadap Aplikasi Proses Penfatwaan Sebagai Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	214
6.3.4	Cadangan Perlaksanaan terhadap Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam	215
6.4	Saranan Kajian Masa Hadapan	216
6.4.1	Subjek Kajian	216
6.4.2	Skop Analisis Kajian	217
6.5	Kesimpulan	218

BIBLIOGRAFI	220
LAMPIRAN	245

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Hubungan Antara Objektif Kajian dengan Persoalan Kajian	22
Jadual 3.1 Hubungan antara Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Analisis Data	82

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Proses Penentuan Fatwa	8
Rajah 2.1	Model Konseptual Kajian	68
Rajah 3.1	Tatacara Reka Bentuk Kajian	74
Rajah 4.1	Mengenalpasti Proses Penfatwaan dalam Islam	86
Rajah 4.2	Proses Penfatwaan dalam Islam	142
Rajah 5.1	Analisis dan Aplikasi Proses Penfatwaan Sebagai Kaedah Penyelidikan	147
Rajah 5.2	Kelayakan Mufti	151
Rajah 5.3	Proses Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Sosial	169
Rajah 5.4	Hubungan Penentuan Permasalahan Penyelidikan dengan Fatwa	172
Rajah 5.5	Tujuan Penilaian Kajian Lepas	174
Rajah 5.6	Hubungkait Proses <i>Al-Takyif</i> dan Tinjauan Literatur	175
Rajah 5.7	Kaedah Analisis Proses <i>al-Hukm</i>	186
Rajah 5.8	Analisis Proses Penfatwaan Daripada Kaedah Penyelidikan Sosial	191
Rajah 5.9	Turutan Sumber Hukum Islam	194
Rajah 5.10	Proses Penyelidikan Penfatwaan	201

SENARAI SINGKATAN

bil.	:	Bilangan
dlm.	:	Dalam
ed.	:	Editor
H	:	Hijrah
hlm.	:	Halaman
Jld.	:	Jilid
M	:	Masihi
No.	:	Nombor
r.a.	:	<i>RadiyallLah ‘anh</i>
SAW	:	<i>SallallLah ‘alayh wa Sallam</i>
SWT	:	<i>Subhanah wa Ta‘ala</i>
terj.	:	Terjemahan
t.t.	:	Tanpa tahun
Vol.	:	Volume

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
t	ط	-	ا
z	ظ	b	ب
‘	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	ḥ	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	ه	s	س
’	ء	sy	ش
y	ي	ṣ	ص
ah	ة	ḍ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	ـَ	a	آ	ay	أَيَّ
i	ـِ	i	إِيَّ	aw	أَوَّ
u	ـُ	u	أُوَّ		

Sumber: Diolah daripada *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1992.

APLIKASI PROSES PENFATWAAN DALAM KAEDAH PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM

ABSTRAK

Tesis ini bertujuan meneliti aplikasi kaedah proses penfatwaan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Perkara ini dilakukan kerana perlunya satu kaedah penyelidikan berteraskan Islam bagi penyelidikan-penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam. Kaedah penyelidikan berteraskan Islam ini diharap boleh menjadi pengganti kepada kaedah penyelidikan sosial yang mempunyai beberapa kekurangan, terutamanya dalam alat analisis, epistemologi dan falsafahnya. Berdasarkan kekurangan ini, kajian berkaitan Islam dan orang Islam tidak boleh dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan lazim. Dengan kewujudan kaedah-kaedah penyelidikan dalam ilmu-ilmu Islam, mengapakah tidak dilakukan satu kajian terhadap mana-mana kaedah penyelidikan dalam ilmu-ilmu Islam ini? Tesis ini cuba melaksanakan perkara ini dengan mengambil kaedah proses penfatwaan sebagai subjek kajian. Kajian ke atas kaedah proses penfatwaan ini dilakukan dengan tiga objektif utama. Pertama, mengenal pasti proses penfatwaan dalam Islam. Kedua, menganalisis proses penfatwaan dari perspektif kaedah penyelidikan sosial. Ketiga, merumuskan aplikasi proses penfatwaan dalam penyelidikan sosial. Bagi mencapai objektif yang dinyatakan di atas, kaedah kajian perpustakaan telah dipakai bagi mendapatkan data-data berkaitan proses penfatwaan secara menyeluruh menerusi karya-karya klasik dan kontemporari. Data tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan kaedah perbezaan. Analisis data-data ini membawa kepada empat kesimpulan. Pertama, fatwa merupakan perkara yang sangat penting dalam sejarah Islam dalam menyelesaikan permasalahan hukum semasa sejak zaman Rasulullah SAW sehingga hari ini. Kedua, proses penfatwaan

yang diamalkan pada masa kini terbahagi kepada empat peringkat iaitu *al-taṣwīr*, *al-takyīf*, *al-ḥukm* dan *al-iftā'*. Ketiga, Islam menitik beratkan kelayakan bagi seorang mufti dengan meletakkan syarat kelayakan yang sangat ketat. Selain itu, Islam turut menekankan kepada penentuan fatwa secara berkumpulan (*fatwā jamā'yyat*) dan kepada kualiti dan kekuatan sesuatu sumber sandaran dalam sesuatu fatwa. Keempat, proses penfatwaan ini sesuai untuk dijadikan proses penyelidikan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam kerana kekuatan dan kelebihanannya dari sudut epistemologi, falsafah, alat analisis, dan ketelitiannya dalam menjalankan sesuatu penyelidikan terutama melibatkan kajian berkaitan Islam dan orang Islam. Proses penfatwaan ini dirumuskan menjadi satu kaedah penyelidikan berteraskan Islam dengan cadangan nama proses penyelidikan penfatwaan. Aplikasi proses penfatwaan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam ini memberi implikasi terutama dari sudut pemahaman tentang konsep fatwa yang hanya digunakan dalam penentuan hukum Islam semata-mata. Kajian ini turut memberi implikasi kepada pemahaman terhadap paradigma kaedah penyelidikan yang digunakan secara lazim pada hari ini.

THE APPLICATION OF FATWA PROCESS IN ISLAMIC RESEARCH METHOD

ABSTRACT

The thesis objective is to ascertain and propose the application of fatwa process in Islamic research method. The study has been carried out due to the need for Islamic research method that can be utilized in conducting research on Islam and Muslims. This Islamic research method is expected to be an alternative to the current conventional research method which has few weaknesses when dealt with this issue, in particular the lack of analytical tools, epistemology and philosophy. Based on these shortcomings, the study of Islam and Muslims cannot be carried out using conventional research methods. With the existence of current methodology of research in the Islamic sciences, why not conduct a study to any of the research methods in Islamic sciences? The thesis tries addressing fatwa process methods as a research subject. The study of fatwa process methods sets out three main objectives. Firstly, is to identify the fatwa process in Islam. Secondly, to analyze the fatwa process from the social research methods' perspective. Thirdly to formulate the application of fatwa process in social research. To achieve the objectives stated above, library research is necessary to gather the relevant data of the whole process of fatwa from classic and contemporary literatures. The data is then analyzed using content analysis and method of differences. Analysis of these data leads to four conclusions. Firstly, the fatwa is very important during the history of Islam since the time of Rasulullah SAW to the date in explaining current law problem. Secondly, the fatwa process adopted at the present was divided into four stages, namely *al-taṣwīr*, *al-takyīf*, *al-ḥukm* and *al-iftā'*. Thirdly, Islam also raise high concerns with the qualification of *mufti* whereby some strict requirements need to be fulfilled. In addition, Islam also emphasizes the determination of collective fatwa or *fatwā*

jamā'iyah and the quality of its sources. Fourthly, the fatwa process is suitable to be implemented in Islamic research methodology due to its strength and advantages from the perspective of epistemology, philosophy, tool of analysis and thoroughness in carrying out a research, particularly in conducting research on Islam and Muslims. The fatwa process is suggested to be as a research method based on Islam namely the fatwa research process. Hence, the application of this fatwa process in Islamic research methodology provides a great insight into the understanding of the concept of fatwa, which is previously only used in the determination of Islamic rules. This study also contributes to greater impact towards the understanding of the paradigm in research methodology that is currently being used conventionally.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Secara umum, kajian ini bertujuan untuk meneliti proses penfatwaan yang dibincangkan dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh* dan menilainya dari perspektif kaedah penyelidikan sosial.

Secara lebih khusus, kajian dalam tesis ini melihat proses penfatwaan untuk diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Kajian ini cuba meneliti dan mengemukakan proses penfatwaan untuk digunakan bagi menjalankan sesuatu kajian dalam penyelidikan sosial terutama kajian berkaitan Islam dan orang Islam. Kajian ini juga mengkaji secara teliti proses penentuan fatwa dalam Islam selain melihat definisi fatwa, kelayakan seorang mufti, sejarah, dan perkara-perkara berkaitan fatwa yang telah ditetapkan oleh para sarjana Islam. Segala penelitian yang dilakukan tentang fatwa dianalisis bagi merumuskan adakah proses penfatwaan ini sesuai dikemukakan sebagai satu kaedah penyelidikan berteraskan Islam.

Sebagai pengenalan, bab ini mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian, serta organisasi tesis.

1.2 LATAR BELAKANG

Kaedah penyelidikan Islam telah wujud berabad lamanya. Pernyataan ini dibuktikan dengan wujudnya kaedah-kaedah penentuan hukum dalam Islam sehingga lahirnya ilmu yang dikenali sebagai ilmu *Uṣūl al-Fiqh*¹. Menurut Wahbah al-Zuhailī (2001), *Uṣūl al-Fiqh* merupakan satu himpunan kaedah dan prinsip yang digunakan oleh *fuqahā'* dalam membuat sesuatu ketetapan hukum yang diambil daripada *dalīl syar'ī* yang terperinci. Secara tidak langsung, satu proses penyelidikan dijalankan untuk mengetahui hukum syarak tertentu menggunakan kaedah-kaedah tertentu dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh*. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah ini masih pada peringkat pengenalan dan masih belum diterapkan dalam penyelidikan akademik termasuklah kajian-kajian akademik yang dilakukan berkaitan dengan Islam daripada perspektif sosial (Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 2005a).

Menurut Ibn Khaldūn (1999:222), Muḥammad Abū Zahrah (1978:188) dan M.H. Mukhti (2004), Imam al-Syāfi'ī merupakan pelopor dalam merumuskan ilmu *Uṣūl al-Fiqh*. Kitab pertama dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh* yang berjudul *al-Risālah* merupakan bukti kepada penulisan beliau. Kitab ini banyak membincangkan kaedah-kaedah penentuan hukum melalui analisis kepada nas-nas syarak seperti al-Qur'an dan al-Sunnah mahupun realiti semasa. Kitab ini merupakan perintis kepada perkembangan ilmu *Uṣūl al-Fiqh* dalam sejarah penentuan hukum.

¹ Ilmu *Uṣūl al-Fiqh* merupakan gabungan dua perkataan Arab iaitu *uṣūl* dan *fiqh*. *Uṣūl* berasal daripada perkataan *aṣl* yang membawa maksud asas binaan sesuatu perkara atau sesuatu yang dibina di atasnya (Khālid Ramaḍān Ḥasan, 1998:41; Muṣṭafā Sa'īd al-Khin, 2000:65). *Fiqh* pula bermaksud faham, didefinisikan sebagai satu ilmu mengenai hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan *mukallaf* (orang yang telah memenuhi syarat untuk menjalankan tanggungjawab dan kewajipan syarak seperti baligh dan berakal). *Fiqh* juga boleh didefinisikan sebagai himpunan hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan amalan harian *mukallaf* yang diambil daripada dalil-dalil yang terperinci (al-Ghazālī, 1997:11; 'Abd al-Wahhāb Khallāf, 2003:35)

Al-Būṭī (1990:59-60) misalnya menjelaskan umat Islam masa kini sebenarnya tidak perlu mencari kaedah kepada ilmu pengetahuan yang sebenar. Kaedah-kaedah ini telah disusun oleh para sarjana Islam pada zaman keemasan Islam berabad lamanya. Menurut beliau, pengkaji masa kini perlu melaksanakan dua perkara penting agar kaedah tersebut dapat diaplikasikan kembali dalam sistem hari ini. Pertama, menyusun dan memperkemas kaedah tersebut agar menjadi lebih mudah. Kedua, memperbaiki dan menyusun semula kaedah tersebut dalam gaya bahasa yang sesuai pada masa kini. Menurut Louay Safi (1998), walaupun al-Būṭī kurang menyokong dasar Islamisasi², namun jelas sekali daripada pernyataan beliau tentang satu sistem yang lengkap telah wujud berabad lamanya dalam Islam

Kaedah-kaedah yang dinyatakan ini terutamanya kaedah dalam *Uṣūl al-Fiqh* telah disebut sebagai ilmu Islam klasik oleh Louay Safi (1998). Beliau turut menyatakan keperluan kaedah-kaedah klasik ini disusun kembali untuk diaplikasi dalam kaedah penyelidikan terutama kajian yang berteraskan Islam pada masa kini. Ini merupakan satu tinggalan ilmu Islam yang sangat penting untuk digilap dan diperkenalkan semula.

Dalam konteks masyarakat Islam masa kini, lahir pelbagai permasalahan baru yang timbul dan perlu diselesaikan. Bagi menyelesaikannya, Islam telah menetapkan satu

² Menurut Syed Muhammad Naquib al Attas (1978) konsep Islamisasi Ilmu dilihat sebagai pembebasan manusia daripada tradisi tahayul, mitos, animisme kebangsaan dan kebudayaan dan pembebasan akal serta bahasa dari pengaruh sekularisme. Islamisasi merupakan proses dua hala, iaitu pembebasan diri (*liberation*) dan pengembalian diri (*devolution*) kepada kejadian asal, iaitu fitrah atau suci. Model terulung peribadi dan masyarakat Islam ialah rasulullah SAW serta masyarakat Islam zamannya, manakala langkah pertama Islamisasi ialah Islamisasi akal dan pemikiran iaitu melalui Islamisasi bahasa. al-Faruqi (1982) pula berpendapat Islamisasi adalah usaha untuk mendefinisikan kembali, menyusun ulang data, memikirkan kembali argumen dan rasionalisasi yang berkaitan dengan data itu, menilai kembali kesimpulan dan tafsiran, menyusun kembali tujuan-tujuan dan melakukan semua sehingga disiplin-disiplin ini mengembangkan wawasan Islam dan memberi manfaat kepada cita-cita.

kaedah yang khas dalam penentuan hukum baharu yang tidak terdapat dalam nas-nas syarak. Kaedah ini dinamakan sebagai fatwa atau ijtihad. Fatwa atau Ijtihad ini secara dasarnya menggunakan kaedah-kaedah dalam *Uṣūl al-Fiqh* dalam penetapan hukum. Yūsuf al-Qaraḍawī (1995:11) mendefinisikan fatwa sebagai satu penjelasan hukum syarak terhadap suatu permasalahan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh penyoal, sama ada secara jelas atau samar, individu mahupun berkumpulan. Fatwa mempunyai satu kaedah khas yang ditetapkan oleh para ulama bagi menjamin fatwa yang diputuskan adalah selari dengan ketetapan dan hala tuju syarak. Para sarjana dan cendekiawan Islam telah meletakkan satu garis panduan yang jelas terutama dalam proses penentuan fatwa. Proses ini merupakan satu aturan secara sistematik dalam menyelesaikan permasalahan yang diajukan. Secara umumnya, proses ini menggabungkan pelbagai disiplin ilmu Islam yang berteraskan ilmu *Uṣūl al-Fiqh* dalam merungkai permasalahan sebelum hukumnya diputuskan.

Jika dilihat kepada proses pembentukan sesuatu kajian akademik pada hari ini, setiap kajian yang dilakukan saling berhubung kait dengan permasalahan yang timbul. Apabila dikenal pasti satu permasalahan dalam kajian, maka pengkaji akan mencari penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah tersebut (Sabitha Marican, 2005:77). Bagi mencari penyelesaian terbaik bagi sesuatu permasalahan, kaedah penyelidikan yang tepat adalah satu keperluan. Berdasarkan pemerhatian, perkara ini sebenarnya menjelaskan terdapat suatu kesinambungan antara proses penyelidikan akademik dengan penfatwaan, iaitu kedua-duanya bermula daripada permasalahan dan akhirnya diselesaikan melalui satu kajian yang mendalam.

Perbincangan berkaitan latar belakang kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, konsep fatwa dalam Islam. Kedua, perbezaan fatwa dengan ijtihad. Ketiga, keperluan kaedah penyelidikan berteraskan Islam.

1.2.1 Konsep Fatwa dalam Islam

Fatwa didefinisikan sebagai satu jawapan yang disandarkan kepada seseorang mufti atau orang yang berkeelayakan apabila diajukan soalan kepadanya berdasarkan kaedah-kaedah penfatwaan yang telah ditetapkan oleh Islam. Hal ini adalah gambaran umum fatwa seperti yang dinyatakan antaranya oleh al-Harranī (1984:4), Khālīd Ramaḍān Ḥasan (1998:205) dan Quṭb Mustafā Sanū (2000:312). Noor Naemah Abdul Rahman (2003:45) pula mendefinisikan fatwa sebagai satu tindak balas maklumat kepada persoalan yang dikemukakan oleh penyoal. Dengan kata lain, apabila ada persoalan dan kemusykilan, akan ada fatwa sebagai jawapan.

Kesimpulannya, fatwa merupakan satu proses yang dimulai dengan pertanyaan atau permasalahan untuk mencari jalan penyelesaian. Dalam proses ini, kajian akan dijalankan dengan teliti mengikut kesesuaian tempat dan keadaan penyoal. Setelah dijumpai penyelesaiannya, penentuan hukum diputuskan oleh mufti atau orang yang berkeelayakan, dan kadang kala perlu diwartakan mengikut tempat.

Secara umumnya, penentuan fatwa ini telah berlaku sejak kedatangan Islam lagi. Sekiranya dilihat kembali pada zaman Rasulullah SAW iaitu zaman penurunan al-Qur'an sebagai sumber hukum, banyak perkara yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW kepada Sahabat r.a. pada permasalahan yang menjadi persoalan mereka.

Rasulullah SAW menjadi rujukan utama para Sahabat r.a. terutama dalam perkara berkaitan ibadah dan keagamaan. Ini secara tidak langsung menjadikan Rasulullah SAW sebagai seorang mufti yang pertama dalam sejarah dunia Islam dalam menjawab segala permasalahan yang diajukan kepada Rasulullah SAW (al-Qāsimī, 1986:32). Perlakuan Rasulullah SAW ini bertepatan dengan gesaan Islam untuk bertanya kepada orang yang lebih mengetahui apabila terdapat persoalan dan kemusykilan.

Selain menjelaskan keperluan untuk bertanya kepada individu atau kumpulan yang lebih berpengetahuan, ayat al-Qur'an ini juga menggambarkan Islam sangat menekankan pertanyaan apabila tidak mengetahui tentang sesuatu perkara terutama berkaitan dengan hal ehwal agama. Dengan realiti pada hari ini, mufti berperanan besar untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan baru yang timbul melalui persoalan masyarakat Islam setempat.

Amalan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ini diteruskan oleh para Sahabat r.a. selepas kewafatan Rasulullah SAW dan berlanjutan sehingga hari ini. Perkara ini jelas dapat dilihat dengan wujudnya ramai dalam kalangan para Sahabat r.a. yang mengeluarkan fatwa berdasarkan keilmuan mereka terutama daripada tujuh Sahabat r.a.³ yang masyhur dalam berfatwa (Ibn Ḥazm al-Andalūsī, 1926:666).

Sejarawan Islam menyatakan bahawa Khalifah 'Umar Ibn 'Abd al-Azīz merupakan pemerintah Islam pertama yang menjadikan jawatan mufti sebagai jawatan rasmi.

³ Tujuh Sahabat Rasulullah SAW yang dimaksudkan di sini ialah 'Āisyah Umm al-Mu'minīn, 'Umar al-Khaṭṭāb, Alī bin Abī Tālib, Ibn Abbās, 'Abd Allah ibn Mas'ūd, 'Abd Allah ibn 'Umar al-Khaṭṭāb dan Zayd bin Thābit (Ibn Ḥazm, 1926:666).


Sejak itu jawatan mufti kekal sebagai jawatan khas dalam pemerintahan Islam sehingga hari ini. Walau bagaimanapun, fatwa pertama secara rasmi telah dikeluarkan oleh Abū Yūsuf⁴ yang merupakan hakim pada zaman pemerintahan Khalīfah Hārūn al-Rasyīd (al-Ziriklī, 1986:193).

Sejarah perkembangan fatwa diteruskan pada zaman-zaman seterusnya dengan kewujudan *Majma' Fiqh al-Islāmi* yang mengumpulkan sarjana-sarjana Islam seluruh dunia bagi membincangkan permasalahan umat Islam yang timbul (Ḥusayn Muḥammad al-Mallāh, 2006:93). Begitu juga dengan penubuhan institusi-institusi fatwa yang menguruskan pengeluaran fatwa-fatwa di seluruh dunia. Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah merupakan institusi fatwa pertama ditubuhkan di dunia iaitu pada tahun 1895 yang menjadi asas kepada penubuhan jabatan-jabatan fatwa di seluruh pelosok dunia (Zulkifli Muhammad, 2010:2 & Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah, 2011).

Melihatkan kepentingan fatwa dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan semasa, para ulama telah menetapkan satu aturan yang sistematik bagi menjamin ketepatan fatwa yang dikeluarkan untuk menjawab persoalan yang diajukan. Proses ini merupakan satu aturan khas bermula daripada permasalahan diajukan kepada mufti sehingga penentuan fatwa. Proses penfatwaan ini berdasarkan empat peringkat utama sebelum sesuatu fatwa diputuskan oleh seorang mufti. Menurut Dār al-Iftā' al-Miṣriyyah (2011), 'Alī Jum'ah Muḥammad (2006), Noor Naemah Abd Rahman (2008) dan Muḥammad 'Abd al-'Azīz Maḥmūd (2009), proses penfatwaan terbahagi

⁴ Nama beliau ialah Ya'kūb bin Ibrāhīm bin Ḥabīb, lahir pada 113 H di Kufah dan wafat pada 182 H. Murid dan rakan kepada Abū Ḥanīfah dan menjawat jawatan Qadi pada zaman Khalifah 'Abbāsiyyah (al-Ziriklī, 1986).

kepada empat peringkat iaitu *al-taṣwīr*⁵, *al-takyif*⁶, *al-hukm*⁷ dan *al-ifta*⁸. Rajah 1.1 merupakan rangka kerja proses penfatwaan yang dibincangkan di atas.



Rajah 1.1 : Proses Penfatwaan

⁵ Pada peringkat *al-taṣwīr*, setiap soalan yang diajukan oleh *mustafī* kepada mufti perlu digambarkan dengan tepat melalui proses yang pelbagai. Gambaran ini bermaksud memahami dengan lebih teliti permasalahan yang dihadapi selain mengambil kira keadaan semasa *mustafī*. Terdapat empat aspek dalam proses mendeskripsi masalah yang perlu diteliti oleh mufti sebelum proses penfatwaan berlaku. Empat aspek ini ialah waktu, tempat, individu dan suasana ('Alī Jum'ah Muḥammad, 2006).

⁶ Peringkat *al-takyif* lebih dikenali sebagai *al-takyif al-fiqhī*. Menurut 'Alī Jum'ah Muḥammad (2006), *al-takyif* merupakan satu pendekatan dengan memadankan permasalahan yang timbul dengan permasalahan yang sudah tersedia dalam sumber-sumber yang berautoriti. Proses ini juga boleh didefinisikan sebagai satu proses mengkategorikan permasalahan ke dalam tema dan pembahasan *fiqh* yang sesuai dengannya. Contohnya, apabila satu soalan berkaitan perbankan diajukan kepada mufti, beliau akan mengkategorikan permasalahan tersebut dalam skop muamalah bukan ibadah, atau akan mengkategorikan masalah itu ke dalam sebuah akad yang telah dibincangkan oleh ulama mahupun belum dibincangkan. Kepentingan menggunakan proses ini disebabkan kesilapan dalam menentukan ruang lingkup permasalahan akan menjadikan fatwa yang dikeluarkan tidak tepat dan boleh mengubah hukum sesuatu permasalahan (Muḥammad 'Uthmān Syabīr, 2004).

⁷ Peringkat *al-hukm* bermula dengan pengumpulan maklumat berkaitan dalil-dalil berkaitan permasalahan daripada sumber-sumber yang diambil kemudian beralih kepada analisis sebelum fatwa diputuskan. Setiap permasalahan yang diajukan kepada mufti disandarkan dalil-dalil yang berkaitan daripada sumber yang disepakati atau tidak. Jika tiada nas-nas syarak yang disepakati, maka proses ijtihad perlu dilaksanakan. Dalam proses ini, seorang mufti perlu mengetahui turutan keutamaan setiap dalil bermula daripada al-Qur'an, al-Sunnah, Ijmak, *Qiyās* dan seterusnya ('Alī Jum'ah Muḥammad, 2006).

⁸ Peringkat *al-ifta* Setelah selesai kajian dan penetapan hukum dilaksanakan berdasarkan nas-nas syarak mahupun ijtihad, mufti perlu membuat penelitian terakhir kepada fatwa yang bakal dikeluarkan kepada penyoal atau masyarakat setempat. Penelitian ini adalah untuk melihat kepada keselarisan fatwa tersebut dengan syaria Islam. Selain itu juga, mufti seharusnya memastikan fatwa yang diputuskan tidak menggugurkan nilai-nilai *maqāsid syarī'ah* dan tidak bertentangan sama sekali dengan nas-nas *qat'ī*⁸. Sekiranya terdapat percanggahan dengan perkara yang disebutkan, maka mufti perlu membuat penilaian semula fatwa yang akan diputuskan sehingga fatwa tersebut sempurna dan memenuhi tuntutan syarak. Apabila segala penelitian dibuat, barulah sesuatu fatwa boleh diputuskan atau diwartakan mengikut perundangan negara ('Alī Jum'ah Muḥammad, 2006; Noor Naemah Abd Rahman, 2008).

Proses penfatwaan ini sebenarnya menggabungkan kaedah kajian empirikal dan teoretikal dalam satu rangka yang khusus. Sesuatu masalah yang dikaji perlu melihat kepada teori asal yang telah ditetapkan oleh para ulama terdahulu. Kemudian, kajian yang lebih teliti perlu dilaksanakan dengan melihat pelbagai aspek semasa seperti *'urf* (adat) dan keadaan setempat, perundangan, *maqāṣid syarī'ah*⁹ (matlamat syariah) serta lain-lain. Ini bermaksud, kajian yang dilakukan perlu mengalami dua proses sebelum diputuskan, iaitu kajian teori dan juga kajian lapangan. Oleh yang demikian, proses penfatwaan dilihat mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk dijadikan satu kaedah penyelidikan. Kerangka yang telah ditetapkan ini sepatutnya diperkemas dan disusun bagi disesuaikan dengan kaedah penyelidikan berteraskan Islam ini.

Walaupun proses penfatwaan mempunyai beberapa ciri persamaan dengan kaedah penyelidikan sosial, namun terdapat beberapa perkara yang membezakannya sehingga menjadikan proses penfatwaan ini lebih istimewa. Antara perbezaan tersebut adalah pertama, falsafah dalam penfatwaan adalah untuk menjaga kepentingan dan maslahat manusia selagi fatwa tersebut tidak bercanggah dengan syariat Islam. Sekiranya hukum dan keputusan fatwa yang dikeluarkan terkeluar daripada syariat, maka dengan sendirinya fatwa tersebut akan terbatal. Kedua, sumber ambilan fatwa adalah berlandaskan kepada apa yang telah disepakati oleh

⁹ Menurut Abdul Karim Zaidan (2006), *Maqāṣid al-Syarī'ah* bermaksud perkara-perkara yang menjadi tujuan atau matlamat syariat Islam. *Maqāṣid al-Syarī'ah* bertujuan menjaga masalah manusia dan menolak *mafsadah* (kerosakan) dari mereka sama ada dalam kehidupan dunia atau di akhirat nanti. *Maqāṣid al-Syarī'ah* Islam merangkumi lima aspek;

- a) Menjaga/memelihara agama
- b) Menjaga nyawa
- c) Menjaga akal
- d) Menjaga harta
- e) Menjaga nasab/keturunan

Bagi menjaga *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang ditetapkan, maka Islam menetapkan segala perbuatan atau perlakuan manusia yang boleh menggugat lima perkara tersebut, dilarang atau diharamkan untuk dilaksanak. Contohnya; diharamkan membiar diri dalam kejahilan kerana ia boleh merosakkan agama, diharamkan bunuh diri kerana ia boleh merosakkan nyawa, diharamkan arak kerana ia merosakkan akal, diharamkan mencuri kerana ia merosakkan harta dan diharamkan zina kerana ia merosakkan nasab/keturunan.

para ulama dengan mendahulukan al-Qur'an, al-Sunnah, Ijmak dan *Qiyās*. Segala kaedah ini perlu ditepati dan mengikut susuan keutamaan setiap dalil. Oleh itu, penyusunan proses penfatwaan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam merupakan satu keperluan pada hari ini agar kajian yang dijalankan adalah berasaskan kerangka dan *maqāṣid syarī'ah*.

1.2.2 Perbezaan antara Fatwa dengan Ijtihad

Proses penfatwaan ialah sesuatu perkara yang selari dengan ijtihad. Proses dan kelayakan yang diperlukan untuk berijtihad juga saling berkait rapat dengan proses dan kelayakan dalam berfatwa walaupun terdapat sedikit perbezaan. Ijtihad merupakan satu proses mengeluarkan hukum sama ada terdapat pertanyaan atau tidak, manakala fatwa adalah sebaliknya iaitu memerlukan satu pertanyaan atau persoalan sebelum fatwa diputuskan (Mohd Akram Dahaman, 2005:172).

Pendapat ini turut dinyatakan oleh Husayn Muḥammad al-Mallāḥ (2006). Beliau menjelaskan bahawa fatwa adalah berbeza berbanding ijtihad. Proses penfatwaan mesti dimulai dengan persoalan dan permasalahan yang akan difatwakan adalah sesuatu realiti yang berlaku. Ijtihad pula tidak memerlukan persoalan bahkan penentuan hukum boleh dijalankan walaupun permasalahan tersebut ialah sesuatu yang tidak pernah dan tidak akan berlaku secara adatnya.

Ibn Qayyim (1968) menyatakan fatwa lebih umum jika dibandingkan dengan Ijtihad. Beliau berpendapat ijtihad ialah proses penentuan hukum yang tidak dinyatakan secara jelas dalam nas wahyu (al-Qur'an dan al-Sunnah), manakala fatwa

merangkumi penjelasan hukum yang terdapat dalam nas wahyu mahupun menggunakan kaedah ijtiḥad apabila timbul persoalan. Oleh yang demikian, keduanya tetap saling berkait namun perbincangan fatwa adalah lebih menyeluruh berbanding Ijtiḥad.

Fatwa juga berbeza dengan ijtiḥad jika dilihat dari segi tujuan proses tersebut dijalankan. Ijtiḥad secara umum dijalankan untuk mengetahui hukum sesuatu permasalahan. Fatwa pula diputuskan bukan sahaja untuk mengetahui hukum, bahkan untuk menyesuaikan dengan keadaan dan suasana penyoal (Noor Naemah Abd Rahman, 2005:108).

Oleh itu, berdasarkan hujah-hujah antara perbezaan fatwa dengan Ijtiḥad, kajian ini mendapati penggunaan proses penfatwaan adalah lebih tepat sebagai satu kerangka kaedah penyelidikan berteraskan Islam jika dibandingkan dengan ijtiḥad. Menurut Sulaiman Masri (2005:4-13), sesebuah penyelidikan ilmiah memerlukan permasalahan kajian yang sinonim dengan perkataan persoalan dan memerlukan penyelidikan khusus sebagai usaha dalam mencari tujuan sebenar. Tujuan sesuatu kajian dilakukan tidak lain adalah bertujuan untuk menyelesaikan realiti semasa yang sedang berlaku.

Berdasarkan pernyataan tersebut, fatwa dilihat sebagai satu mekanisme yang paling hampir dengan kaedah penyelidikan yang wujud pada masa kini. Penfatwaan memerlukan satu persoalan yang diajukan kepada mufti adalah seiring dengan penyelidikan yang memerlukan satu isu atau permasalahan untuk dijalankan. Bahkan fungsi fatwa sebagai penyelesai permasalahan mengikut kesesuaian dan

kemaslahatan penyoal adalah selari dengan penyelidikan yang digunakan untuk menyelesaikan permasalahan sosial setempat.

Selain itu, kajian ini turut memilih proses penfatwaan sebagai kerangka untuk kaedah penyelidikan berteraskan Islam berbanding ilmu *Uṣūl al-Fiqh*. Pemilihan proses penfatwaan ini kerana fatwa merupakan satu gerak kerja yang turut menggunakan instrumen atau alat kajian yang terdiri daripada ilmu *Uṣūl al-Fiqh* bagi menganalisis suatu masalah.

1.2.3 Keperluan Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam

Kaedah penyelidikan merupakan usaha yang dijalankan bagi mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan khusus yang dikemukakan tentang sesuatu masalah (Ahmad Mahdzan Ayob, 2005). Tuckman dan Harper (2012:3) berpendapat penyelidikan ialah cara sistematik bagi mendapatkan jawapan untuk sesuatu persoalan. Selain itu, kaedah penyelidikan juga merujuk kepada suatu kaedah saintifik berdasarkan formula-formula tertentu oleh para pengkaji atau penyelidik dengan teratur. Kaedah penyelidikan ini dilaksanakan untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul atau sebagai kaedah pembelajaran untuk menambahkan kemahiran penyelidik (Ahmad Fauzi Hj. Morad & Ahmad Tarmizi Talib, 1997). Daripada beberapa definisi yang dinyatakan di atas, kaedah penyelidikan saintifik boleh disimpulkan sebagai suatu kaedah yang dimulakan dengan masalah yang memerlukan penyelidikan bagi mendapatkan jawapan yang sistematik, saintifik dan logik.

Namun begitu, Islam mempunyai jalan yang berbeza dengan apa-apa yang dinyatakan dalam kaedah penyelidikan sosial. Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan sumber utama dalam Islam. Penggunaan ini secara langsung memperlihatkan ilmu Islam tidak hanya disokong dengan akal dan logik semata-mata, bahkan dikuatkan dengan wahyu Allah SWT. Ini dibuktikan berdasarkan kepada firman Allah SWT:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ

“Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad SAW) akan apa yang diwahyukan kepadamu daripada Al-Qur'an”

(Al-‘Ankabūt, 29:45)

Ayat ini jelas mencerminkan perintah Allah SWT yang jelas kepada pesuruhnya, Nabi Muhammad SAW agar mengikuti segala yang terkandung dalam al-Qur'an dalam segenap aspek kehidupan seperti yang telah diturunkan kepadanya (al-Tabari, 2001). Al-Qur'an merupakan satu panduan hidup yang lengkap terhadap segala perkara. Selain itu juga, hadith Rasulullah SAW juga dianggap sebagai wahyu secara tidak langsung kerana Rasulullah SAW hanya menyampaikan perintah yang dianjurkan oleh Allah SWT tanpa ada tokok tambah seperti yang digambarkan dalam firman Allah SWT :

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

“Dan dia (Rasulullah SAW) tidak memperkatakan sesuatu menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.”

(al-Najm 53:3-4)

Ayat di atas menunjukkan gambaran Allah SWT terhadap Rasulullah SAW yang hanya mengucapkan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada

manusia tanpa ada sebarang penambahan atau pengurangan (Ibn Kathir, 1998). Dengan berpaksikan kedua wahyu ini, lahirlah ilmu-ilmu Islam yang pelbagai sebagai satu kaedah kehidupan pada hari ini. Walaupun berkembang pada zaman setelah kewafatan Rasulullah SAW dan tidak wujud secara khusus pada zaman Rasulullah SAW, namun ilmu-ilmu Islam ini sebenarnya berasal daripada wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah SAW (Engku Ibrahim Engku Ismail & Abdul Ghani Shamsuddin, 1987). Oleh yang demikian, penggunaan akal semata-mata tidak dapat menjamin ketepatan dalam melakukan kajian terutama berkaitan dengan permasalahan umat Islam.

Pembinaan kaedah penyelidikan yang menggunakan wahyu sebagai teras bukan perkara baru (Irfan Ahmad Khan, 2004:65). Namun, kaedah-kaedah ini memerlukan kepada penyusunan semula agar sesuai untuk digunakan dengan penyelidikan masa kini. al-Būṭī (1990:56) menyatakan kaedah-kaedah penyelidikan Islam telah wujud pada zaman kegemilangan Islam, namun usaha memurnikannya mengikut keperluan semasa perlu dilaksanakan. Namun ketiadaan usaha yang jitu untuk menyusunnya menyebabkan kaedah penyelidikan Islam seperti tidak wujud dan dipandang sepi.

Menurut Mahmood Zuhdi (2009:2), ilmu *Uṣūl al-Fiqh* misalnya pada asalnya merupakan satu gabungan kaedah-kaedah untuk melaksanakan penyelidikan dalam segala ilmu berkaitan Islam. Namun, pada akhirnya disempitkan menjadi kaedah penyelidikan hukum Islam semata-mata. Walau bagaimanapun, kerangka untuk melakukan penyelidikan sebenarnya telah wujud dan memerlukan penyusunan semula bagi menyesuaikannya dengan penyelidikan masa kini.

Usaha mengembalikan kegemilangan kaedah penyelidikan Islam ini bermula sejak tahun 1950-an lagi. Penyusunan semula kaedah penyelidikan berteraskan Islam ini boleh dianggap masih pada peringkat permulaan. Namun begitu, sehingga hari ini masih belum wujud kajian yang lengkap dalam merumus dan menyusun kembali kaedah penyelidikan berteraskan Islam ini (Muhammad Syukri Salleh, 2008).

Pembinaan dan penyusunan semula kaedah penyelidikan berteraskan Islam untuk digunakan dalam kajian-kajian terutama penyelidikan berkaitan Islam adalah satu keperluan. Penyusunan semula ini membuktikan kesempurnaan Islam yang mempunyai sistem yang tersendiri hasil pemikiran para sarjana Islam silam. Menurut Rahimin Affandi (2002:4), kaedah penyelidikan berteraskan Islam perlu disediakan kerana kaedah penyelidikan Islam ini bersesuaian dengan fitrah dan sifat sistem *fiqh* Islam yang berbentuk skeptis dan *zanni* (spekulatif). Kaedah penyelidikan Islam perlu dibangunkan oleh *fuqahā'* melalui penyelidikan mengikut zaman dan generasi.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan penerangan dalam latar belakang, fatwa merupakan satu elemen yang penting dalam penyelesaian permasalahan semasa. Fatwa juga dilihat mempunyai satu gerak kerja yang tersusun dan dapat diketengahkan untuk diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan.

Dalam membina kaedah penyelidikan berteraskan Islam, kajian ini akan cuba mengaplikasi proses penfatwaan yang sedia ada untuk digunakan dalam kajian-

kajian sosial yang mendatang. Ini merupakan usaha awal untuk memperkenalkan proses penfatwaan yang merupakan satu gerak kerja dalam penentuan hukum oleh mufti. Jika bersesuaian, proses penfatwaan ini boleh digunakan untuk memenuhi keperluan kaedah penyelidikan Islam dalam menjalankan kajian-kajian sosial terutama kajian-kajian yang berkaitan Islam dan orang Islam.

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2008:134-139), keperluan dalam mencari alternatif terhadap kaedah penyelidikan sosial ini adalah kerana wujud kekurangan pada kaedah penyelidikan sosial itu sendiri. Kekurangan yang dimaksudkan dalam kaedah penyelidikan sosial seperti perbezaan epistemologi dan falsafah kaedah penyelidikan sosial dengan kaedah penyelidikan Islam. Epistemologi dan falsafah Barat misalnya berasaskan pemikiran dan fakta yang dapat diukur dengan pancaindera semata-mata, berbeza dengan epistemologi dan falsafah Islam yang berasaskan sumber Islam seperti al-Qur'an, al-Sunnah, Ijmak dan *Qiyās*. Perbezaan epistemologi ini akan mempengaruhi persepsi dan pengetahuan penyelidik. Persoalannya, tidakkah perbezaan epistemologi dan falsafah ini akan mempengaruhi dapatan sesuatu penyelidikan?

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2008:138) lagi, kaedah-kaedah penyelidikan sosial juga dilihat membahayakan akidah penyelidik dengan menyisihkan agama atau teologi daripada pengamatan realiti sosial. Pemikiran positivisme misalnya menafikan kewujudan alam ghaib yang berasaskan dalil-dalil *naqlī* yang dinyatakan dalam Islam. Manakala kaedah bebas nilai (*value-free*) pula menafikan agama daripada pengamatan realiti sosial sedangkan agama merupakan pengukur kepada sesuatu realiti sosial. Neuman (2011:100) berpendapat, aliran pemikiran positivisme

ini bukan melibatkan semua penyelidik, tetapi merupakan aliran yang dominan di Amerika Syarikat selepas Perang Dunia Kedua. Aliran ini kemudiannya merebak ke kebanyakan negara apabila Amerika Syarikat menjadi kuasa besar dunia. Pendapat ini turut disokong oleh Mohd Zuhdi Marsuki (2008:278) yang menyatakan aliran positivisme menjadi dominan dikalangan penyelidik masa kini. Berdasarkan hujah-hujah ini, penyelidikan berkaitan Islam akan terpesong dari jalan sebenar jika menggunakan teori dan pemikiran yang wujud dalam kaedah penyelidikan sosial.

Sanaullah Mir (1991:268) dalam membicarakan tentang kepentingan kaedah penyelidikan Islam turut membezakan antara kaedah penyelidikan Islam yang bertuhankan Allah SWT yang Esa berbanding kaedah penyelidikan saintifik kini yang kadang kala menafikan kewujudan tuhan. Kaedah penyelidikan sosial juga kadang kala mempercayai lebih daripada satu kuasa yang mutlak sebagai Tuhan. Perbezaan ini akan membawa kepada konflik dalam penyelidikan terutama yang melibatkan agama dan kepercayaan.

Kekurangan ini dilihat boleh membawa masalah kepada penyelidikan-penyelidikan terutama berkaitan Islam kerana pertentangan yang berlaku pada epistemologinya. Dengan pelbagai kekurangan dalam sistem penyelidikan sosial yang digunakan pada hari ini, satu kajian perlu dijalankan untuk membentuk kaedah penyelidikan berteraskan Islam untuk menggantikan kaedah penyelidikan sosial. Kajian seperti ini akan menambahkan ketepatan dan menghasilkan kajian yang berteraskan Islam daripada mula sehingga suatu permasalahan dapat diselesaikan.

Dalam sistem perundangan Islam, terdapat satu gerak kerja atau proses yang disebut sebagai fatwa. Fatwa digunakan bagi menyelesaikan permasalahan semasa terutama melibatkan hukum Islam (Mohd Akram Laldin, 2012:1; Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abdul Rahman & Mohd Faez Mohd Shah, 2013:92; Zulkifli Mohamad, 2008:3). Proses penfatwaan ini telah menjadi kerangka sarjana Islam terdahulu untuk menentukan hukum zaman berzaman. Komponen-komponen yang digunakan dalam proses penfatwaan berkait langsung dengan Ilmu *Uṣūl al-Fiqh*. Seperti yang direkodkan, ilmu *Uṣūl al-Fiqh* telah lama diperkenal dan disusun sebagai satu kaedah dalam penetapan hukum seperti yang telah dilakukan Imām al-Syāfi'ī (Ibn Khaldūn, 1999:222; Muḥammad Abū Zahrah, 1978:188; M.H Mukhti, 2004). Proses penfatwaan juga turut mempunyai kaedah yang tersusun dalam penentuan hukum dan sesuai diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan seperti yang diutarakan oleh Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2008).

Hal ini bersesuaian dengan pernyataan oleh al-Būṭī (1990:59-60) yang menyatakan terdapat kaedah-kaedah asal dalam ilmu Islam yang telah disusun oleh sarjana Islam klasik. Kaedah-kaedah tersebut boleh dimanfaatkan dalam penyelidikan. Namun, beliau menyarankan kaedah tersebut perlu disusun dan diperkemas agar dapat digunakan pada hari ini. Oleh itu, kajian ini menyahut seruan al-Būṭī (1990) untuk menyusun dan memperkemas kembali ilmu Islam khususnya penfatwaan agar dapat digunakan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Pendapat al-Buti ini juga disokong oleh Zafrul Islam (1991) yang berpendapat sarjana Islam kontemporari boleh mendapatkan manfaat daripada pemikiran sarjana Islam klasik. Beliau juga menyarankan analisis yang teliti kepada metodologi sarjana Islam klasik dalam

menentukan hukum perlu dibuat bagi membina kaedah penyelidikan berkonsepkan Islam.

Kajian oleh Muhammad Syukri Salleh (2005) terhadap kaedah penyelidikan yang digunakan oleh para siswazah dalam pengkajian berkaitan Islam menunjukkan sebahagian kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan sosial. Kajian-kajian ini termasuklah kajian di peringkat Doktor Falsafah. Jika diperhatikan, kajian tersebut seumpama kajian yang dilakukan oleh para orientalis yang mengkaji tentang Islam dengan menggunakan kerangka kaedah penyelidikan sosial (Mohammad Rafiuddin, 1999). Menurut Muhammad Syukri Salleh (2008), kaedah penyelidikan sosial juga tidak mempunyai alat analisis yang cukup untuk memahami realiti sosial yang akan membawa kepada penyelesaian tepat sesuatu kajian. Ini akan membawa kepada hasil kajian yang tidak dapat menyelesaikan permasalahan yang dikaji.

Dengan kekurangan kaedah penyelidikan sosial seperti yang disebutkan di atas, adakah sesuai satu penyelidikan terutama penyelidikan berkaitan Islam dilakukan dengan menggunakan kaedah penyelidikan sosial? Sekiranya dilakukan juga, adakah keputusan yang diperoleh adalah tepat, menyelesaikan masalah masyarakat Islam dan memenuhi falsafah dan prinsip-prinsip asas Islam?

Oleh itu, dengan kewujudan kaedah-kaedah khas dalam Islam yang digunakan dalam menyelesaikan permasalahan sejak berabad lamanya, maka sangat wajar jika satu kajian dilakukan untuk melihat aplikasi kaedah tersebut untuk menyelesaikan masalah pada masa kini. Namun persoalannya, adakah proses penfatwaan dapat disusun menjadi model yang lengkap untuk digunakan oleh penyelidik-penyelidik

dalam melaksanakan penyelidikan sosial terutama melibatkan kajian berkaitan Islam dan orang Islam? Kaedah penyelidikan Islam adalah berasaskan wahyu daripada Allah SWT walaupun menggunakan akal seperti penggunaan kaedah *manṭiq* manakala kaedah penyelidikan sosial hanya menggunakan logik akal semata-mata tanpa bersandarkan wahyu Allah SWT. Persoalan lain yang boleh diketengahkan ialah adakah pengaplikasian proses penfatwaan ini dapat menggantikan kaedah penyelidikan sosial yang sedia ada pada masa kini? Jika proses penfatwaan ini diaplikasi dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam, adakah keputusan yang diperoleh tepat dan dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul? Berdasarkan persoalan-persoalan di atas, maka kajian terhadap proses penfatwaan ini perlu dilaksanakan dengan melihat secara menyeluruh konsep fatwa dalam Islam menerusi definisi fatwa, sejarah berfatwa dalam Islam, definisi dan kelayakan mufti, serta proses penfatwaan bagi digunakan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dilakukan perlu mempunyai objektif yang tepat bagi mendapatkan natijah yang diinginkan. Berdasarkan kepada pernyataan masalah, matlamat utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti proses penfatwaan yang digunakan dalam penentuan hukum Islam. Hasil daripada penelitian tersebut dianalisis dan diaplikasi bagi membina kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan kaedah penyelidikan berteraskan Islam yang sesuai digunakan dalam menjalankan kajian-kajian dalam bidang sosial yang berkaitan Islam atau orang Islam.

Secara lebih terperinci, objektif-objektif khusus kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti proses penfatwaan dalam Islam.
2. Menganalisis proses penfatwaan dari perspektif kaedah penyelidikan sosial.
3. Merumuskan aplikasi proses penfatwaan dalam penyelidikan sosial.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Untuk mencapai objektif-objektif kajian yang ditetapkan di atas, kajian ini menetapkan beberapa persoalan yang perlu dijawab bagi mencapai objektif tersebut.

Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah yang didefinisikan dengan fatwa?
- ii. Bilakah proses fatwa mula muncul dalam Islam?
- iii. Apakah kelayakan seorang Mufti dalam berfatwa?
- iv. Apakah yang dimaksudkan dengan fatwa secara kolektif?
- v. Apakah proses-proses yang perlu dijalankan sebelum sesuatu fatwa diputuskan?

- vi. Apakah persamaan dan perbezaan proses penfatwaan dengan kaedah penyelidikan sosial?
- vii. Bagaimanakah ciri-ciri dalam proses penfatwaan yang boleh dijadikan kaedah penyelidikan yang memenuhi keperluan penyelidikan sosial?
- viii. Bagaimanakah proses penfatwaan diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam?
- ix. Apakah kelebihan pengaplikasian proses penfatwaan ini berbanding kaedah penyelidikan sosial?

Untuk menggambarkan hubungan antara objektif dengan persoalan kajian, kedua-duanya dikumpulkan dalam Jadual 1.1

Jadual 1.1 : Hubungan Antara Objektif Kajian dengan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1. Mengenal pasti proses penfatwaan dalam Islam.	i. Apakah yang didefinisikan dengan fatwa? ii. Bilakah proses fatwa mula muncul dalam Islam? iii. Apakah kelayakan seorang Mufti dalam berfatwa? iv. Apakah yang dimaksudkan dengan fatwa secara kolektif? v. Apakah proses-proses yang perlu dijalankan sebelum sesuatu fatwa diputuskan?
2. Menganalisis proses penfatwaan dari perspektif kaedah penyelidikan sosial.	vi. Apakah persamaan dan perbezaan proses penfatwaan dengan kaedah penyelidikan sosial? vii. Bagaimanakah ciri-ciri dalam proses

	penfatwaan yang boleh dijadikan kaedah penyelidikan yang memenuhi keperluan penyelidikan sosial?
3. Merumuskan aplikasi proses penfatwaan dalam penyelidikan sosial.	<p>viii. Bagaimanakah proses penfatwaan diaplikasikan dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam?</p> <p>ix. Apakah kelebihan pengaplikasian proses penfatwaan ini berbanding kaedah penyelidikan sosial?</p>

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam membina satu kajian yang baik, kefahaman terhadap pembaca merupakan sesuatu aspek yang perlu dititikberatkan. Oleh yang demikian, penerangan kepada definisi operasional kata-kata kunci perlu dijalankan. Penerangan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan maksud kata-kata kunci yang dipakai dalam kajian ini. Terdapat empat kata kunci utama kajian ini. Kata-kata kunci yang dimaksudkan ialah fatwa, mufti, proses penfatwaan dan kaedah penyelidikan berteraskan Islam.

1.6.1 Fatwa

Fatwa merupakan istilah bahasa Arab yang telah digunakan dalam istilah bahasa Malaysia. Definisi fatwa mempunyai tafsiran yang pelbagai terutama daripada sarjana-sarjana Islam. Dari sudut bahasa Arab, fatwa berasal daripada *aftā-iftāan* yang bermaksud menjelaskan atau menghuraikan sesuatu hukum permasalahan (Sa'dī Abū Jayb, 2003:281; Ibn Manzūr, t.t.:3348; Qal'ah Jī & Ḥāmid Qunaibī, 1985:2/631).

Dari sudut istilah pula, fatwa mempunyai beberapa definisi yang agak berbeza. Secara umumnya terdapat dua kumpulan definisi yang menyatakan secara jelas definisi fatwa. Kumpulan pertama menjelaskan fatwa merupakan satu penjelasan hukum syarak oleh mufti melalui pertanyaan *mustaftī*. Pendapat ini disokong oleh al-Harrānī (1984:4), Muḥammad Rawwās Qal'ah Ji dan Hamid Qunaibī (1985:339), Noor Naemah Abdul Rahman (2003:45), Al-Asyqār (2004:9), Maḥmūd Syaltūt (1395H:7) dan Yūsuf al-Qarāḍāwī (1999:1).

Definisi ini diperincikan oleh sebahagian sarjana Islam yang lain. Mereka menyatakan fatwa merupakan jawapan yang disandarkan kepada mufti apabila diajukan soalan oleh *mustaftī* (penyoal) berdasarkan kepada kaedah-kaedah berfatwa yang telah ditetapkan oleh Islam (Wahbah al-Zuḥaylī, 2001:1156; Linah Ḥimsī, 1996:410; Khālīd Ramaḍān Ḥasan, 1998:205; Quṭb Muṣṭafā Sanū, 2000:312). Penambahan kaedah-kaedah berfatwa mengecilkan lagi skop fatwa yang hanya berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang telah ditetapkan.

Kumpulan kedua dalam definisi fatwa mendefinisikannya sebagai perkhawaran hukum Allah SWT. Definisi ini dilihat lebih umum berbanding definisi kumpulan pertama kerana tidak mensyaratkan persoalan sebelum sesuatu fatwa dikeluarkan. Bahkan, definisi ini juga tidak mensyaratkan fatwa dikeluarkan oleh seorang mufti. Definisi ini dinyatakan oleh sarjana Islam antaranya al-Qarāfī (2003:4/53) dan Ibn Qayyim (1968).

Berdasarkan kepada definisi-definisi sebelum ini, penyelidik memilih definisi kumpulan pertama sebagai definisi fatwa yang digunakan sepanjang perbincangan